

ASOLAN TABLET 0.5MG

Alprazolam 0.5mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ASOLAN
2. Bagaimana ASOLAN berfungsi
3. Sebelum mengambil ASOLAN
4. Cara menggunakan ASOLAN
5. Semasa menggunakan ASOLAN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ASOLAN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan ASOLAN

Asolan digunakan untuk rawatan jangka pendek keresahan.

ASOLAN digunakan untuk rawatan kemurungan seperti:

- Keresahan dengan simptom kemurungan
- Mixed anxiety-depression (kedua keresahan dan kemurungan berlaku pada masa yang sama)
- Kemurungan neurotik atau reaktif (perasaan tertekan atau kehilangan minat atau kegembiraan)

ASOLAN juga digunakan untuk merawat serangan panik.

Doktor anda mungkin mempreskripsikan ASOLAN untuk tujuan lain. Tanya doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang soalan tentang sebab ASOLAN dipreskripsikan kepada anda.

Bagaimana ASOLAN berfungsi

ASOLAN adalah ubat penenang yang mengandungi bahan aktif alprazolam.

Alprazolam tergolong dalam satu kumpulan ubat yang dipanggil benzodiazepine. Benzodiazepine mempengaruhi aktiviti kimia di dalam otak dan memberi kesan terhadap fungsi sistem saraf pusat, contohnya mengurangkan kebimbangan dan kerisauan.

Sebelum menggunakan ASOLAN

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil ASOLAN jika anda alah kepada:

- Ubat-ubatan yang mengandungi alprazolam
- sebarang ubat benzodiazepin yang lain
- sebarang bahan kandungannya yang dinyatakan pada penghujung risalah ini.

Jangan mengambil ASOLAN jika anda sedang menyusukan bayi. ASOLAN akan meresap ke dalam susu ibu dan boleh menyebabkan rasa mengantuk, kesukaran penyusuan di kalangan bayi.

Jangan menggunakan ASOLAN jika bungkusan koyak atau terdapat tanda salah guna

- Sebelum mula menggunakan ASOLAN

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan, atau pengawet.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah hamil atau merancang untuk hamil. ASOLAN boleh menjejaskan bayi dalam kandungan anda jika anda mengambil semasa mengandung. Doktor anda akan membincangkan risiko dan manfaat mengambil ASOLAN semasa mengandung.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai apa-apa keadaan perubatan, terutamanya yang berikut:

- Tekanan darah rendah
- Kelemahan otot yang teruk
- Masalah hati atau buah pinggang
- Masalah paru-paru
- Gangguan darah
- Glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata)
- Kemurungan, psikosis atau skizofrenia
- Epilepsi (sawan atau konvulsi)

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil ASOLAN.

Jika digunakan berpanjangan, ketagihan terhadap produk ini boleh berlaku.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan ASOLAN boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Ini termasuklah:

- Ubat tidur, sedatif atau tranquilisers
- Relaksan otot
- Ubat untuk kemurungan (contohnya Imipramine, desipramine)
- Litium, ubat untuk merawat kemurungan
- Ubat untuk merawat keadaan mental dan emosi yang tertentu

ASOLAN TABLET 0.5MG

Alprazolam 0.5mg

- Ubat untuk merawat epilepsi seperti barbiturate
- Antihistamines, ubat untuk alahan, demam alergi atau sesesama
- Sesetengah penahan sakit seperti codeine
- Anestetik
- Disulfiram, ubat yang digunakan dalam rawatan kebergantungan alkohol
- Cimetidine, ubat untuk merawat refluks dan ulser
- Beberapa antibiotik seperti erythromycin atau chlarithromycin
- Kontraseptif oral (pil pencegah kehamilan)
- Ubat untuk merawat jangkitan HIV

Ubat-ubat ini mungkin terjejas oleh ASOLAN atau boleh menjejaskan bagaimana ia berfungsi.

Mengambil ASOLAN bersama ubat opiod (ubat tahan sakit) boleh menyebabkan sistem saraf pusat terjejas. Beritahu doktor jika anda sedang mengambil ubat opiod.

Sila dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda atau pesakit yang mengambil ubatan ini mengalami simptom seperti pening, mengantuk yang melampau, kesukaran bernafas atau menjadi tidak responsif.

Cara menggunakan [nama produk]

- Berapa banyak harus digunakan

Ambil ubat ini dengan tepat mengikut arahan doktor anda. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti. Doktor

anda akan memberitahu anda berapa banyak tablet yang perlu diambil dan bila anda perlu mengambilnya. Maklumat ini juga terdapat pada label kotak yang mengandungi tablet. Jangan ambil tablet anda bersama alkohol.

Anda biasanya akan bermula dengan mengambil dos sebanyak 0.5 mg hingga 1 mg. Ubat ini perlu diambil dalam dos yang dibahagikan dua atau tiga kali setiap hari.

Dos tersebut mungkin akan ditingkatkan secara beransur-ansur sehingga menjadi 3 mg hingga 4 mg sehari dalam dos yang dibahagikan.

- Bila perlu digunakan

Gunakan mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Orang Dewasa

Dos hendaklah disesuaikan mengikut keperluan individu, iaitu berdasarkan pada keterukan simptom-simptom dan respons yang diberikan oleh setiap pesakit. Sekiranya dos perlu ditingkatkan, ia perlu dilakukan secara beransur-ansur dan berhati-hati.

Warga Tua

Sekiranya anda seorang pesakit tua atau jika anda menghidap penyakit tertentu seperti buah pinggang atau hati dan anda memerlukan dos yang lebih rendah, anda akan biasanya bermula pada dos 250 mikrogram dua kali sehari. Dos ini mungkin ditingkatkan secara perlahan-lahan jika perlu dan jika anda tidak mengalami sebarang kesan sampingan.

Penggunaan pada kanak-kanak dan remaja

Alprazolam tidak disyorkan untuk kanak-kanak dan remaja di bawah umur 18 tahun.

- Berapa lama perlu digunakan

Asolan Tablet hanya digunakan untuk rawatan jangka pendek (tidak lebih daripada 12 minggu, termasuk tempoh pengurangan dos secara beransur-ansur, ini dipanggil 'pengurangan' dos). Anda biasanya tidak akan diberikan preskripsi lebih daripada 4 minggu dan anda akan diperiksa secara kerap oleh doktor anda sepanjang tempoh ini.

Menghentikan rawatan

Jumpa doktor anda sebelum anda berhenti mengambil tablet Asolan kerana dos perlu dikurangkan secara beransur-ansur. Jika anda berhenti mengambil tablet atau mengurangkan dos secara mendadak, anda boleh mengalami kesan 'melantun' yang mungkin menyebabkan anda menjadi lebih bimbang atau gelisah atau mengalami kesukaran untuk tidur buat sementara waktu. Ia disyorkan agar dos harian alprazolam dikurangkan tidak melebihi 0.5 mg setiap 3 hari.

Sesetengah orang mungkin mengalami kesan 'pemberhentian' (sila lihat Bahagian 'Kesan-kesan sampingan – Simptom-simptom kebergantungan dan pemberhentian'). Simptom-simptom ini akan pulih sebaik badan anda dapat menyesuaikan dirinya semula. Jika anda risau, doktor anda boleh memberitahu anda lebih lanjut mengenai perkara ini.

ASOLAN TABLET 0.5MG

Alprazolam 0.5mg

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan lanjut mengenai penggunaan ubat ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jika tidak, ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa. Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil ASOLAN, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Simptom-simptom terlebih dos:

- mengantuk
- kekeliruan fikiran
- lethargy
- ataksia (pergerakan tidakselaras)
- hipotonia (sejenis gangguanotot)
- tekanan darah rendah
- kesukaran bernafas
- koma

Semasa menggunakan ASOLAN

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang

merawat anda bahawa anda sedang mengambil ASOLAN.

Jika anda hamil semasa anda mengambil ASOLAN beritahu doktor anda dengan segera.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil ASOLAN.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil ASOLAN untuk jangka masa yang lebih lama daripada doktor anda syorkan.

Jangan berhenti mengambil ASOLAN, atau menukar dos, tanpa memeriksa dengan doktor anda.

Jangan mengambil ASOLAN untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana ASOLAN mempengaruhi anda.

Ubat ini boleh menyebabkan mengantuk, pening atau sakit kepala kepada sesetengah orang.

Ubat ini boleh menyebabkan tingkahlaku kompleks berkaitan tidur termasuk memandu, membuat panggilan telefon, menyediakan makanan dan makan semasa tidur.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Jangan khuatir dengan senarai ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati mana-mana yang berikut dan ia membimbangkan anda:

- Mengantuk, keletihan
- Peningkepala, gayang, keliru
- Keletihan
- Rasa pitam atau pengsan
- Kebimbangan, keresahan
- Kemurungan
- Pertuturan tidak jelas
- Penglihatan kabur
- Sakit kepala
- Hilang selera makan
- Peningkatan dan penurunan berat badan
- Haid yang tidak teratur

Senarai di atas termasuk kesan-kesan sampingan yang lebih biasa atau sederhana semasa mengambil ASOLAN.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan

ASOLAN TABLET 0.5MG

Alprazolam 0.5mg

Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan [nama produk]

- Penyimpanan

Simpan ubat anda di tempat yang dingin dan kering pada suhu bawah 30°C.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil ASOLAN atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah- langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

ASOLAN 0.5mg – pil berwarna merah jambu, berbentuk bulat, bertanda “DUOMA/DUOMA” pada satu permukaan dan “DUO2” pada satu permukaan yang lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap tablet ASOLAN mengandungi 0.5mg Alprazolam

- Bahan tidak aktif

- Carmoisine
- Cornstarch

- Polyvinylpyrrolidone
- Isopropyl alcohol
- Magnesium stearate
- Silicon dioxide
- Sodium starch glycolate
- Lactose

- Nombor MAL:

MAL20031914AZ

Pemegang Pendaftaran Produk & Pengilang

DUOPHARMA (M) SDN BHD Lot 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan

Tarikh kemaskini RiMUP

05/06/2024

Nombor Siri

BPFK(R4/1)300115/00005